

# Rentas sempadan penting perangi rasuah: Dr Mahathir

BH- 23/11/2019 m/s: 4

[FOTO BERNAMA]

➔ Kesepakatan antara negara perlu supaya wang tidak mudah dipindah

Zainudin  
Isa

zainud@bh.com.my

Vienna



**M**enggunakan pentas dunia, Tun Dr Mahathir Mohamad menekankan pentingnya kerjasama antarabangsa untuk memerangi jenayah rasuah apabila wang mudah dipindahkan berikutan sempadan yang longgar.

Menyampaikan ucapan di Persidangan Agung dan Mesyuarat Tahunan ke-10 Persatuan Pihak Berkuasa Anti Rasuah Antarabangsa (IAACA) di Pusat Antarabangsa Vienna (VIC), di sini semalam, Perdana Menteri memberikan contoh pengalaman Malaysia apabila sejumlah dana dari skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diubah secara haram ke Amerika Syarikat.

“Kesepakatan antara negara amat penting supaya wang tidak mudah dipindah kerana jenayah tidak terhad di dalam sesebuah negara sahaja.

“Saya mempunyai harapan yang cukup tinggi bahawa IAACA akan terus bertemu dan mencari jalan bagi menangani rasuah dan penyelewengan yang lebih berkesan,” katanya.

Dr Mahathir adalah pemimpin Malaysia pertama dijemput menyampaikan ucapannya pada IAACA, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang beranggotakan dalam konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi menentang rasuah.

IAACA berpusat di Qatar kini mempunyai 140 negara anggota. Ia adalah kemuncak acara sempena lawatan kerja tiga hari Dr Mahathir ke Vienna sejak kelmarin.

Dalam ucapan hampir 40 minit itu, Dr Mahathir turut menghuraikan bagaimana rasuah dan kerajaan kleptokrasi me-



**Dr Mahathir menyampaikan syarahan bertajuk Memerangi Rasuah Di Malaysia: Pencapaian, Cabaran dan Perspektif di IAACA, Laxenburg, malam kelmarin.**

rosakkan ekonomi negara yang satu ketika dulu pernah digelar Harimau Asia.

Beliau berkata, disebabkan bekas perdana menteri Malaysia sendiri pernah menjadi pemimpin yang korup, pentadbiran kerajaan menjadi lemah sehingga melemahkan pembangunan negara.

“Justeru, yang paling utama kepemimpinan tidak boleh korup, jika pemimpin korup seluruh negara itu akan korup.

“Malaysia hari ini selepas kerajaan baharu mengambil alih terpaksa membuat pembetulan yang besar babitkan semua sistem pentadbiran kerajaan yang sudah rosak akibat salah laku pemimpin dan gejala rasuah,” katanya.

## **Dana Dr Mahathir Mohamad**

Dalam pada itu, IAACA memberi penghargaan tertinggi apabila menamakan dana membantu anggota badan penguat kuasa anti-rasuah yang dianiakan ketika menjalankan tugas sebagai Dana Dr Mahathir Mohamad.

Presiden IAACA, Dr Ali Fetais Al-Marri berkata, idea penubuhan dana berkenaan dicetuskan sendiri Dr Mahathir.

Malaysia sebelum ini mengumkumkan sumbangan RM500,000 untuk dana berkenaan, manakala kerajaan Qatar sebanyak 1 juta Riyal.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, kes rasuah meningkat di Malaysia disebabkan

lebih banyak aduan diterima daripada rakyat yang tidak lagi takut melaporkan aktiviti rasuah.

Katanya, ini ada kaitan dengan dasar kerajaan Pakatan Harapan (PH) yang melaksanakan strategi dan pendekatan telus dalam memerangi rasuah dan salah laku.

“Kes rasuah yang dilaporkan bagaimanapun bukan berlaku semasa kerajaan baharu sebaliknya ketika kerajaan terdahulu.

“Orang ramai dan pegawai kerajaan tidak lagi gusar atau diancam apabila memberi maklumat berkenaan perkara yang tidak betul dan menyalahi undang-undang,” katanya ketika menyampaikan syarahan bertajuk Memerangi Rasuah Di Malaysia: Pencapaian, Cabaran dan Perspektif di Akademi Anti-Rasuah Antarabangsa (IACA) di Laxenburg, di sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir turut mengklasifikasikan rasuah kepada dua peringkat, iaitu suapan atas meja (over the table) dan suapan bawah meja (under the table).

Katanya, adalah amat malang sekiranya amalan rasuah atas meja dibiarkan berleluasa ia boleh mendatangkan masalah apabila orang ramai tidak lagi takut merasuah kakitangan dan pegawai kerajaan termasuk ahli politik.

“Lebih menakutkan jika ini akan menjalar menjadi satu budaya kepada masyarakat. Jika amalan rasuah di peringkat bawah meja, ia masih ada ha-

rapan untuk memeranginya apabila orang ramai tidak lagi berani menawarkan rasuah secara terbuka untuk memperoleh sesuatu projek atau permohonan,” katanya.

## **Tak boleh hapus secara total**

Dr Mahathir menjelaskan walaupun sebanyak mana undang-undang dipinda dan diperteguhkan, rasuah tidak boleh dihapuskan secara total.

Justeru, katanya, pemupukan budaya dan nilai murni dalam kalangan rakyat adalah pendekatan paling berkesan dalam mendidik masyarakat supaya takut akan rasuah.

“Adalah lebih baik kesedaran mengenai kotornya rasuah ini kita dipupuk dalam kalangan generasi muda lagi,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia sebelum ini terpaksa berdepan imej yang tercalar apabila kerajaan terdahulu termasuk bekas Perdana Menteri dipalit dengan amalan rasuah.

“Bila kita menang pilihan raya umum lalu, penekanan utama kerajaan baharu ialah mengambil semua kaedah untuk membanteras rasuah.

“Kita memperkenalkan dasar mewajibkan semua menteri Kabinet dan termasuk Perdana Menteri mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kita juga menetapkan penggal pentadbiran Perdana Menteri dua penggal atau 10 tahun saja,” katanya.